

09 MAY 1996

UMNO-sambutan

UMNO SAMBUT ULANGTAHUN KE-50 DENGAN PENUH ERTI

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Kesediaan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah untuk menyertai semula UMNO selepas sembilan tahun meninggalkan parti, adalah hadiah paling istimewa kepada ahli UMNO menjelang perayaan ulangtahun ke-50 parti itu Sabtu ini.

Lebih 50,000 anggota UMNO yang akan berhimpun di Dataran Merdeka Jumaat ini (malam) harus merasa bangga kerana UMNO sekali lagi menempa sejarah berjaya menarik kembali ke pangkuannya rakan-rakan seperjuangan yang meninggalkan parti sejak 1987.

Kalau 50 tahun lepas UMNO mencipta sejarah menyatukan bangsa Melayu di bawah satu lambang, kali ini sejarah itu berulang kembali kerana UMNO yang kini mempunyai 2.4 juta ahli berjaya memujuk sebahagian besar bekas ahlinya untuk menyertai semula parti bagi meneruskan perjuangan bangsa Melayu.

Kemasukan semula mereka ke dalam UMNO juga merealisasikan cogan kata UMNO "Bersatu, Bersetia dan Berkhidmat" yang selama ini menjadi teras perjuangan ahli-ahli parti sejak ia ditubuhkan.

Oleh itu apabila bendera UMNO dikibarkan di Dataran Merdeka diikuti dengan nanyian lagu UMNO, di sini malam esok, semestinyalah ia mengembalikan suasana dan semangat yang pernah dialami oleh pejuang parti 50 tahun lepas.

Malam tadi, Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Tengku Razaleigh, kemungkinan menyertai semula UMNO berikutan perbincangan antara kedua-dua mereka.

Tengku Razaleigh, 59, yang lebih dikenali sebagai Ku Li keluar UMNO dengan membawa bersama-samanya ramai pemimpin parti berikutan perpecahan UMNO selepas pemilihan parti pada 1987.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat berkata perayaan sambutan ulangtahun UMNO ke-50 akan bermula petang esok dengan solat Asar diikuti solat hajat, bacaan surah Yasin dan tahlil yang akan disertai oleh kira-kira 10,000 ahli dan pemimpin UMNO di Masjid Negara.

Selepas itu mereka akan beredar ke Dataran Merdeka dan disertai oleh kira-kira 40,000 ahli dari semua 1,600 cawangan UMNO bagi memulakan perayaan memperingati tarikh kelahiran parti itu.

Acara malam itu dimulakan dengan ketibaan Obor 50 tahun UMNO diikuti dengan upacara menaikkan bendera parti dan persembahan koir dan nanyian lagu UMNO dan patriotik.

Larian bendera sejauh 2,300km yang bermula minggu lepas akan tiba di Dataran Merdeka kira-kira jam 8.30 malam. Pelari-pelari larian akan menyerahkan bendera parti kepada Presiden, Timbalan Presiden, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Wanita.

Mohamed berkata kemuncak majlis itu ialah amanat Dr Mahathir yang bertajuk "Corak Perjuangan dan Orang Melayu Pada Tahun-tahun Akan Datang."

Berikutan perkembangan terbaru (Tengku Razaleigh hari ini mengesahkan beliau mungkin kembali ke pangkuan UMNO), amanat Dr Mahathir pastinya sesuatu yang akan menyemarakkan lagi semangat perjuangan ahli dalam menjamin perpaduan dan kemakmuran bangsa Melayu.

Amanat Dr Mahathir juga pasti mencuit hati setiap ahli kerana ucapan beliau sudah tentu menyentuh mengenai perjuangan ahli UMNO sejak ia ditubuhkan serta cabaran-cabaran yang akan dilalui.

Selain itu, Dr Mahathir juga pasti menyentuh mengenai perjuangan bangsa Melayu sejak penentangan Malayan Union yang membawa kepada penubuhan UMNO memandangkan beliau sendiri adalah pejuang aktif Malayan Union.

Acara lain pada malam itu termasuk persembahan video klip mengenai kecemerlangan dan pementasan drama muzikal mengenai sejarah perjuangan UMNO yang merangkumi era sebelum dan selepas Merdeka serta zaman pentadbiran presiden-presidennya.

Pada hari Sabtu, perayaan sambutan ulangtahun UMNO diteruskan dengan konvensyen sehari UMNO bertemakan "UMNO Dalam Abad ke-21" di Pusat Dagangan Dunia Putra yang bermatlamat menyingkap kembali perjuangan parti.

Konvensyen itu akan turut membincangkan mengenai ekonomi, sosio-budaya, agama dan pendidikan.

Perisytiharan mengenai misi dan visi dalam abad ke-21 akan diserahkan kepada Dr Mahathir pada akhir konvensyen yang disertai kira-kira 2,500 peserta, wakil organisasi Melayu dan tetamu luar negara.

Pada sebelah malamnya pula, satu jamuan akan diadakan di PWTC dan dihadiri oleh kira-kira 12,000 ahli UMNO.

Sempena sambutan ulangtahun UMNO itu juga, satu ekspo berkonsepkan "terowong masa" menggunakan teknologi multimedia bagi mempamerkan sejarah perjuangan parti akan berlangsung selama lima hari bermula 28 Ogos depan.

Mohamed juga berkata satu bentuk anugerah juga akan diperkenalkan bagi mengenang jasa ahli veteran UMNO. -- BERNAMA

ARA OBA.